

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 06.02.2026 MASA: 11.00PG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERUSAHA TUAN MOHD IBRAHIM BIN MD NOR
SETIAUSAHA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN LATIHAN *CARDIOPULMONARY
RESUSCITATION* (CPR) DAN PENGGUNAAN
AUTOMATED EXTERNAL DEFIBRILLATOR (AED)
KEPADA KAKITANGAN MAJLIS BANDARAYA
SEBERANG PERAI**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**9 FEBRUARI 2026 (ISNIN)
9.10 PAGI**

**IXORA HOTEL PENANG, PERAI
SEBERANG PERAI TENGAH**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,

1. ***Alhamdulillah***, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun dalam **Majlis Perasmian Latihan *Cardiopulmonary Resuscitation* (CPR) Dan Penggunaan *Automated External Defibrillator* (AED) Kepada Kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai**, satu program yang bukan sahaja bersifat latihan teknikal, malah membawa makna besar kepada nilai kemanusiaan dan kelangsungan hidup insan.
2. Saya bagi pihak seluruh warga kerja **Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)**, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada **Yang Berhormat Tuan Gooi Zi Sen; Exco Belia, Sukan dan Kesihatan Negeri Pulau Pinang**, atas kesudian hadir serta sokongan berterusan terhadap usaha memperkasa kesihatan komuniti dan keselamatan awam.
3. Setulus penghargaan dan ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada **YBhg. Dato' Dr. Fazilah binti Shaik Allaudin**, Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang; **YBhg. Dato' Prof. Dr. Lee Toong Chow**, Penasihat MyAED4U; **YBhg. Dato' Dr. Luah Lean Wah**,

Presiden Penang Heart Safe Society (PHSS); **atas sumbangan kepakaran, komitmen dan sokongan berterusan**, serta kepada para penceramah, para peserta dan semua hadirin yang menghadiri majlis ini.

Yang Berhormat dan hadirin yang dihormati sekalian,

4. Latihan CPR dan penggunaan AED merupakan antara komponen terpenting dalam rantai menyelamatkan nyawa, khususnya dalam situasi kecemasan henti jantung yang berlaku di luar fasiliti kesihatan.
5. Dalam kebanyakan keadaan, beberapa minit pertama merupakan tempoh yang amat kritikal. Tindakan awal oleh individu yang terlatih mampu menjadi penentu antara hidup dan mati. Justeru, penganjuran latihan seperti ini bukan sahaja memberi pendedahan pengetahuan, malah membina keyakinan, kecekapan serta keupayaan untuk bertindak secara pantas, tepat dan selamat.
6. Latihan **AED Alert** yang dilaksanakan pada hari ini merupakan satu inisiatif berimpak tinggi dan selari dengan aspirasi untuk membangunkan **Seberang Perai sebagai sebuah bandar yang sihat, selamat dan berdaya tahan**.
7. Inisiatif ini tidak sekadar menumpukan kepada penyediaan peranti AED di lokasi strategik, malah memberi penekanan kepada aspek latihan, peningkatan kesedaran awam serta pembentukan rangkaian komuniti yang bersedia membantu dalam situasi kecemasan.

8. Kerjasama erat antara pihak berkuasa tempatan, agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan ini membuktikan bahawa agenda keselamatan dan kesihatan awam hanya dapat direalisasikan melalui pendekatan bersepadu serta perkongsian tanggungjawab semua pihak.

Yang Berhormat dan hadirin sekalian,

9. Pihak MBSP sentiasa komited dalam menyokong sebarang inisiatif yang menjurus kepada pemerkasaan kesihatan komuniti dan keselamatan awam.
10. Sehingga kini, MBSP sedang giat melaksanakan kerja-kerja tinjauan dan penilaian di beberapa kawasan yang dikenal pasti berisiko bagi menentukan lokasi paling sesuai untuk penempatan peranti AED.
11. Untuk makluman Yang Berhormat serta hadirin sekalian, sebelum ini **sebanyak sepuluh (10) unit peranti AED telah dipasang dan digunakan** di premis-premis di bawah kawalan MBSP. Usaha ini terus diperkukuh dengan perolehan **enam (6) unit peranti AED baharu**, dan daripada jumlah tersebut, **empat (4) unit telah berjaya dipasang** di beberapa lokasi strategik sekitar Seberang Perai.
12. Usaha ini akan terus diperluaskan ke lebih banyak premis, fasiliti awam dan kawasan tumpuan orang ramai di bawah pentadbiran MBSP, selaras dengan hasrat untuk mewujudkan **bandar yang lebih selamat, berdaya huni dan berteraskan kesejahteraan rakyat**.

13. Warga MBSP yang saya banggakan, para peserta yang hadir pada hari ini merupakan barisan hadapan yang memainkan peranan penting di lapangan. Saya berharap agar latihan CPR dan AED yang diikuti ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan diaplikasikan dengan penuh tanggungjawab.
14. Jadilah saudara dan saudari sebagai **contoh, pemangkin serta duta keselamatan** di jabatan, zon dan kawasan penugasan masing-masing. Sebarkan kesedaran, kongsi pengetahuan dan galakkan lebih ramai rakan sekerja serta masyarakat setempat untuk mempelajari kemahiran asas menyelamatkan nyawa ini.
15. Saya yakin dan percaya, dengan iltizam, ilmu serta kerjasama semua pihak, Seberang Perai bukan sahaja akan dikenali sebagai bandar yang pesat membangun, malah sebagai **bandar yang cakna, prihatin dan bersedia menyelamatkan nyawa**.
16. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Gooi Zi Sen atas kesudian merasmikan majlis ini, serta kepada semua pihak yang telah menjayakan program pada hari ini.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.